

05/10/2001

Chua persoal kenapa digugur sekarang

Ahmad Naim Tahir; Nor Afzan Mohamad Yusof
KUALA LUMPUR, Khamis - Bekas Pengerusi Perhubungan MCA Kedah, Datuk Chua Jui Meng, kesal kerana tindakan menggugurkannya daripada jawatan itu hanya dibuat sekarang, sedangkan beliau pernah menawarkan untuk menarik diri pada 1999.

Katanya, beliau pernah meminta Presiden MCA, Datuk Dr Ling Liong Sik, untuk melantik seseorang dari Kedah untuk menyandang jawatan itu selepas pemilihan MCA ketika itu.

"Saya memberitahu Dr Ling bahawa saya sudah lima tahun di Kedah. Saya orang Johor. Sudah tiba masanya bagi orang Kedah sendiri mengambil alihnya kerana ada pemimpin yang berkemampuan di Kedah," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Kesedaran Barah Payu Dara di sini hari ini, Chua berkata beliau tidak mempertikaikan keputusan menggugurkannya, tetapi masa yang dipilih untuk berbuat demikian.

"Saya kesal kenapa sekarang dan tidak ketika saya memintanya dulu. Saya juga sedih kerana sering menjadi sasaran sesetengah pihak yang mahu memberi tekanan kepadanya.

"Saya bukannya penindas tetapi mangsa. Saya dikekalkan kerana sokongan perwakilan. Saya memendam semuanya kerana saya tahu akhirnya ahli parti akan menilai saya bukan kerana apa yang saya kata, tetapi apa yang saya lakukan.

"Bagi saya, ia adalah untuk memberi khidmat kepada rakyat. Untuk melakukan apa yang betul bagi rakyat Malaysia," katanya yang juga Naib Presiden MCA dan Menteri Kesihatan.

Selasa lalu, Dr Ling mengumumkan pengguguran Chua daripada jawatan itu berkuat kuasa serta-merta dan menggantikannya dengan Datuk Beh Heng Seong yang sebelum ini adalah Setiausaha MCA negeri.

Pelantikan itu adalah sebahagian daripada rombakan membabitkan beberapa pemimpin MCA peringkat negeri dan pusat.

Chua yang juga Ahli Parlimen Bakri, dilantik sebagai Pengerusi MCA Kedah pada 1993, menggantikan Tan Sri William Chek.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Klinik Kesihatan Desa Kangkar Baru, Yong Peng, Johor, petang ini, Chua menyerahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung kedudukannya dalam Kabinet berikutan penggugurannya daripada jawatan Pengerusi Perhubungan MCA Kedah.

Katanya, sebarang keputusan adalah tertakluk kepada kebijaksanaan Perdana Menteri.

"Perdana Menteri akan menentukan sama ada perlu melakukan rombakan Kabinet berikutan perkembangan ini," katanya yang enggan mengulas lanjut berhubung kedudukannya dalam MCA serta masalah dalaman parti itu.

Chua yang juga Ahli Parlimen Bakri, dilantik sebagai Pengerusi MCA Kedah pada 1993, menggantikan Tan Sri William Chek.

(END)